

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab satu menjelaskan tentang pentingnya menyusun draf pengkajian untuk mengemukakan persoalan yang dikaji dan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.¹ Ia dimulakan dengan latar belakang kajian dan pernyataan masalah. Seterusnya bab ini mengemukakan penerangan tentang objektif kajian bagi memperihalkan tujuan kajian dilakukan. Bab ini juga turut menyatakan kepentingan kajian dan memberi penjelasan tentang skop kajian bagi menjelaskan ruang lingkup kajian yang dilakukan serta meneliti kajian-kajian lepas yang pernah ditulis berkaitan subjek yang dikaji. Metodologi kajian yang diterangkan dalam bab ini pula memperlihatkan bagaimana data-data yang dikumpul telah dianalisis bagi mencapai objektif kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Umat Islam di Malaysia telah dijajah oleh penajah sejak tahun 1511. Penjajahan yang berlaku menyebabkan negara Islam hilang kekayaan hasil bumi dan berlaku serangan pemikiran serta pemesongan akidah ke atas umatnya. Hal ini kerana matlamat

¹ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suara Sorotan*, cetakan pertama, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Intel Multimedia dan Publication, h. 97.

utama para penjajah, seperti Portugis, Sepanyol, Belanda, Inggeris, Jepun dan Perancis ke atas tanah jajahan ialah kerana faktor tiga G, iaitu *Gold*, *Glory* dan *Gospel*.²

Keadaan ini telah membangkitkan kesedaran para ulama,³ cendikiawan Islam dan guru-guru agama bagi mengajak umat Islam menghayati agama Islam yang sebenar sehingga tertubuhnya Parti Islam Se-Malaysia⁴ atau PAS⁵ di Tanah Melayu. PAS yang berasal daripada Hizbu al-Muslimīn telah ditubuhkan pada 14 Mac 1948 sebelum merdeka, namun ia diharamkan oleh British pada bulan Ogos 1948.⁶ Kemudian, perjuangannya telah diteruskan dengan nama baru, iaitu PAS yang merupakan antara gerakan Islam (*harakah Islāmiyyah*) terawal di Malaysia.

² Kelangsungan perang Salib yang berlangsung di Eropah selama beberapa abad telah menyebabkan negara Barat, seperti Portugis, Sepanyol, Belanda, Inggeris, Perancis dan Jepun mula menjajah negara umat Islam. Semboyan tiga G yang menjadi pegangan mereka, iaitu *The Glory*, *The Gold* dan *The Gospel* yang bermaksud penjajahan ke atas bumi umat Islam, mengumpul kekayaan bumi yang dijajah secara maksimum mungkin bagi kepentingan mereka, dan penyebaran agama Kristian di seluruh tanah jajahan. Rujuk kertas kerja Seminar Pembangunan yang bertajuk "Wujudnya Konsep Negara Kaya dan Negara Miskin Selepas Berlalu Era Penjajah" dalam laman web <http://sarjana.tripod.com/jajah1.html>.

³ Perkataan ulama ditulis tanpa huruf (k) atau simbol ('). Menurut *Kamus Dewan*, ulama ialah orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *Kamus Dewan*, edisi keempat, Selangor: Dawama Sdn. Bhd., h. 1759.

⁴ _____ (2010), *Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*(Pindaan 2009), cetakan pertama, Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS, h. 1; Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *25 Tahun Kepimpinan Ulama*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd., h. 97.

⁵ Nama PAS berasal daripada singkatan ejaan jawi, iaitu *Fa Alif Sin*. Pada awal penubuhannya, PAS dikenali sebagai Persatuan Alim Ulama Se-Malaya. Walau bagaimanapun, namanya ditukar kepada Persatuan Islam Se-Malaya sebagaimana persetujuan dalam Mu'tamar Ulama Ketiga yang diadakan di Butterworth pada 23 November 1951. Pada 14 Jun 1955, Persatuan ini didaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dengan nama Pan Malayan Islamic Party (PMIP) sehari sebelum penamaan calon Pilihan Raya Persekutuan yang pertama. Pada 25 Disember 1958 dalam Mu'tamar PAS yang berlangsung pada 25-27 Disember 1958, para perwakilan sekali lagi telah bersetuju menukar nama PAS kepada Persatuan Islam Se-Tanah Melayu, dan pada tahun 1971, nama PAS bertukar dan kekal sehingga kini sebagai Parti Islam Se-Malaysia. Majalah Dunia Islam (1991), Kuala Lumpur: Penerbitan Zin, h. 26-27; Tarmizi Mohd Jam (1992), *Masa Depan PAS Johor*, t. Pt., h. 11-12; Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS (1999), *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Selangor: Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd., h. 7.

⁶ Penubuhan PAS adalah sinonim dengan perjuangan Hizbu al-Muslimīn yang telah diharamkan pada tahun 1948 oleh penjajah British. Hizbu al-Muslimīn ditubuhkan di Gunung Semanggol, Perak atas nasihat daripada tokoh-tokoh politik, seperti Dr. Burhanuddin al-Helmī dan Kiyai Masyhur Azahari, seorang pemimpin kanan Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi). Parti ini ditubuhkan secara rasmi pada 17 Mac 1948 di bawah pimpinan seorang tokoh agama, Abu Bakar al-Baqīr dan bekas pimpinan Hizbu al-Muslimīn yang diharamkan serta didokong oleh pimpinan agama tradisional, seperti guru pondok dan pelajar agama. Riduan Mohamad Nor (2005), *Pengaruh Pemikiran Ikhwān al-Muslimīn Terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*, cetakan kedua, Selangor: Penerbitan Hemah, h. 47.

Sebagai sebuah gerakan Islam yang ulung di Malaysia, PAS menjadikan tarbiyah sebagai wadah utama perjuangannya.⁷ Hasilnya, tarbiyah berjaya melahirkan ahli PAS yang benar-benar komited dengan perjuangan Islam dan berkemampuan memimpin masyarakat ke jalan yang benar. Aktivis yang dilahirkan daripada aktiviti tarbiyah ini sanggup mengorbankan jiwa raga, tenaga, wang ringgit, masa dan fikrah. Kekuatan tarbiyah juga telah menambah penyertaan masyarakat di kawasan ini untuk memilih PAS sebagai wadah perjuangan mereka. Ini dibuktikan dengan pertambahan ahli baru PAS secara mendadak di kawasan tersebut ke dalam PAS. Selain itu, beberapa cawangan baru turut ditubuhkan di kawasan ini yang merupakan kubu kuat UMNO dan BN sebelum ini. Penubuhan Kelab Penyokong PAS (kini dikenali sebagai Dewan Himpunan Penyokong PAS) pada pertengahan 2009 juga turut membantu golongan non muslim, seperti kaum India dan Cina yang ingin mencerahkan bakti dan sumbangan mereka kepada PAS, serta membantu PAS dalam memberikan gambaran yang sebenar tentang parti tersebut kepada masyarakat non muslim yang suatu ketika dahulu begitu kabur dengan Islam.

Sebagai sebuah gerakan Islam yang berbeza daripada gerakan nasionalisme, PAS telah mewujudkan satu sistem tarbiyah yang terancang dan tersusun. Implikasinya, PAS berjaya mencapai kejayaan yang besar dalam pilihan raya umum yang ke 12 di Perak sehingga diberi mandat untuk mengetuai kerajaan Pakatan Rakyat di sana. Ini menunjukkan bahawa tarbiyah yang dijalankan telah mengubah persepsi masyarakat

⁷ Menurut *Kamus al-Tullāb*, tarbiyah berasal daripada perkataan (ربى) yang bertujuan mendidik atau mengasuh. Hussain Unang (1994), *Kamus al-Tullāb Arab-Melayu*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Dāl al-Fikir, h. 517. Manakala menurut *Kamus al-Mawrid*, tarbiyah yang berasal daripada perkataan (ربى) digunakan untuk (الولد), iaitu (شأه), to bring up, raise, rear, breed, foster, nurse and nurture. Ia juga digunakan untuk (الولد), iaitu (أدبه ، تفهه)، to educate, teach, cultivate, culture, refine and polish. Rōhī Ba’lbakī (2004), *Al-Mawrid A Modern Arabic-English Dictionary*, cetakan ke-18, Bayrūt: Dār al’Ilmi li al-Malāyīn, h. 574.

terhadap PAS dan mereka mula menyedari kebaikan yang dibawa oleh parti tersebut. Masyarakat non muslim pula tidak lagi menaruh perasaan sangsi terhadap PAS apabila *tahāluf al-siyāsī* dapat dilaksanakan dengan baik antara parti komponen Pakatan Rakyat, iaitu PAS, PKR dan DAP.

1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai sebuah gerakan Islam di Malaysia, PAS telah menjadikan tarbiyah sebagai agenda utama perjuangan jama'ah tersebut bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berkehafaman Islam di Malaysia. Walaupun pada peringkat awal penubuhannya PAS lebih cenderung kepada gerakan politik atau *siyāsah*, namun apabila kepimpinan ulama mengambilalih teraju kepimpinan PAS pada tahun 1983, aspek tarbiyah kemudiannya telah menjadi agenda yang paling penting dalam jama'ah tersebut. Tarbiyah dalam PAS kemudiannya dimantapkan dan diperkasakan lagi dengan penubuhan Dewan Ulama PAS Kelantan oleh Badan Perhubungan PAS Kelantan pada tahun 1983 setelah PAS mengalami kekalahan dalam pilihanraya umum pada tahun 1978. Dewan tersebut telah membuat *post mortem* yang membawa kepada terlaksananya satu Ijtimā' Dewan Ulama PAS Kelantan pada 2 Jun 1978 di Pondok Terusan, Pasir Tumboh, Kelantan. Penubuhan Majlis Syura Ulama PAS Pusat⁸ dengan slogan kepimpinan ulama

⁸ Majlis Syura Ulama PAS Pusat merupakan institusi hierarki kepimpinan tertinggi, di mana Mursyid al-'Ām adalah pemimpin tertinggi dalam PAS. Ia berkuasa menghurai, menjelaskan dan mentafsir dasar PAS yang termaktub dalam perlembagaan serta membuat ketetapan mengenainya, mengeluarkan arahan dan perintah supaya dasar dan ketetapan ini dipatuhi dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak atau badan dalam PAS. Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 68.

oleh PAS Pusat telah memberikan isyarat yang jelas bahawa PAS adalah sebuah gerakan Islam yang serius dalam mentarbiyah masyarakat ke arah kebaikan.⁹

Kemuncak kesungguhan PAS dalam memperkasa tarbiyah ialah penubuhan Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat. Selaras dengan itu, Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan turut diwujudkan di bawah Badan Perhubungan PAS Negeri (BPPN) dan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan pula di bawah PAS kawasan dengan tujuan untuk melahirkan ahli yang istiqamah dan komited dengan perjuangan Islam. Dengan adanya lajnah berkenaan, PAS dapat melahirkan ramai ahli yang mempunyai jati diri, malah sedia menjadikan Islam sebagai satu cara hidup dan mampu membantu PAS melakar kemenangan dalam pilihan raya umum yang ke 12 sehingga berjaya mengekalkan kemenangan penggal kelima berturut-turut di Kelantan dan menawan Kedah, Selangor dan Perak daripada Barisan Nasional.¹⁰

Memandangkan terdapat beberapa orang individu yang aktif dalam aktiviti tarbiyah di Perak datangnya dari kawasan Tanjung Malim, maka pengkaji telah memilih kawasan ini sebagai lokasi kajian untuk mengenal pasti aktiviti tarbiyah yang telah dijalankan. Walau pun kawasan ini masih belum mencapai kemenangan dalam

⁹ Kepimpinan Ulama adalah satu gagasan kepimpinan yang merujuk kepada institusi ulama yang menduduki Majlis Syura Ulama sebagai *ahlu Halli wa Aqdi* (orang yang mampu menyelesaikan masalah dan mengawalnya) untuk zaman itu. Ia diasaskan pada tahun 1983 apabila Yusof Rawa mengambil alih jawatan Yang Dipertua Agung PAS Pusat daripada Dato' Mohd Asri Muda. *Ibid.*

¹⁰ Barisan Nasional (BN) ditubuhkan pada tahun 1973 dan dianggotai oleh parti UMNO, MCA, MIC dan beberapa buah parti komponen kecil yang lain. Pada asalnya, PAS juga menyertai BN pada zaman Dato' Mohd Asri Muda, tetapi pada 13 Disember 1977, PAS dipecat oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional atas dakwaan enggan mematuhi keputusan dewan tersebut yang memerintahkan agar parti itu memecat anggota Parlimennya yang tidak mematuhi arahan Whip Barisan Nasional ketika Rang Undang-Undang meletakkan Kerajaan Kelantan di bawah "pentadbiran darurat". Amaluddin Darus (1978), *Lintasan Politik Malaysia*, t. Pt., h. 37; R. S. Milne dan Diane K. Mauzy (1982), *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd, h. 46; Subky Latif (1984), *Kumpulan Fokus Subky Latif Isu 1977*, Pustaka Pendidikan Sdn. Bhd, h. 183-184.

pilihanraya umum yang lalu, namun kesungguhan para *murabbi*¹¹ dan *nuqabā'*¹² dalam menjalankan aktiviti tarbiyah di Tanjong Malim tidak wajar diperkecilkan sehingga tarbiyah PAS kawasan ini bergerak seiring dengan kawasan-kawasan lain di Perak. Walau pun begitu, PAS kawasan Tanjong Malim mengakui tarbiyah yang dijalankan di kawasan ini masih terdapat kelemahan dan tidak selaras dengan sistem tarbiyah PAS Pusat atau PAS Perak.

Berdasarkan permasalahan di atas, maka pengkaji akan mengumpulkan data tentang konsep tarbiyah dalam Islam dan tarbiyah dalam PAS secara terperinci melalui kajian perpustakaan. Data tentang aktiviti tarbiyah yang dilaksanakan oleh PAS di Tanjong Malim, Perak dari tahun 2006 hingga 2010 dan masalah yang dihadapi oleh PAS kawasan tersebut juga akan dikumpul melalui kajian lapangan, iaitu kaedah temu bual yang mendalam, pemerhatian secara langsung, dan dokumentasi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1.4.1 Mengetahui konsep tarbiyah dalam Islam.

¹¹ Murabbī ialah orang yang mendidik atau membimbing, pendidik, pembimbing. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *op. cit.*, edisi keempat, h. 1056. Manakala menurut Kamus al-Tullāb, *al-Murabbī* berasal daripada perkataan (رَبٌّ) yang bermaksud pendidik. Hussain Unang (1994), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 914.

¹² Menurut Kamus al-Mawrid, *nuqabā'* berasal daripada perkataan (نَقِيبٌ): (رئيسي), iaitu head, president, chief. Rōhī Ba'lbakī (2004), *op. cit.*, cetakan ke-18, h. 1189.

- 1.4.2 Mengenal pasti aktiviti tarbiyah yang dilaksanakan oleh PAS di Tanjung Malim dari tahun 2006 hingga 2010.
- 1.4.3 Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh PAS di Tanjung Malim, Perak dalam melaksanakan aktiviti tarbiyah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat berguna untuk mempertingkatkan uslub dan strategi tarbiyah, khususnya kepada ahli PAS di kawasan Tanjung Malim, Perak dan masyarakat setempat. Antara kepentingan kajian ini ialah :

- 1.5.1 Sebagai panduan dan rujukan bagi ahli gerakan Islam untuk mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan Islam terhadap asas-asas Islam.
- 1.5.2 Sebagai panduan kepada masyarakat Islam untuk memupuk minat dan menyebarkan agama Islam yang sebenarnya kepada masyarakat.
- 1.5.3 Sebagai bahan rujukan bagi mana-mana *murabbi* dan *nuqabā'* PAS di Tanjung Malim atau kawasan-kawasan lain dalam melaksanakan aktiviti tarbiyah dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapinya.

1.5.4 Untuk kegunaan dan panduan kepada mana-mana gerakan Islam di Malaysia, seperti ABIM, JIM, ISMA, IKRAM dan sebagainya dalam membantu dan memberikan kesedaran kepada masyarakat melalui pendekatan tarbiyah.

1.5.5 Untuk menambah khazanah keintelektualan dalam bidang dakwah, di samping menjadi bahan rujukan akademik dan ilmiah kepada individu-individu yang terlibat dalam bidang penyelidikan, khususnya dalam bidang berkaitan gerakan Islam.

1.6 Skop Kajian

Bagi memudahkan struktur penulisan agar tidak terkeluar dari garis panduan dan lingkungan tajuk kajian, maka skop kajian ini secara umumnya memfokuskan kepada konsep tarbiyah dalam Islam dan turut memfokuskan kepada aktiviti tarbiyah yang dilaksanakan oleh PAS di Tanjung Malim, Perak dari tahun 2006 hingga 2010. Penstrukturan kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek aktiviti tarbiyah dan permasalahan yang dihadapi oleh PAS di Tanjung Malim.

1.7 Kajian-Kajian Lepas

Penulisan buku tentang PAS bukanlah suatu perkara baru di Malaysia yang mempunyai pelbagai parti politik, agama dan sosio budaya. Namun penulisan kajian ilmiah atau penyelidikan yang berkaitan dengan PAS adalah kurang berbanding dengan

kajian-kajian yang lain. Daripada pembacaan awal, pengkaji tidak menemui sebarang penyelidikan atau penulisan ilmiah secara khusus tentang tajuk yang dibincangkan. Kebanyakan penulisan yang ditemui hanyalah menyentuh sebahagian daripada aspek-aspek yang dibincangkan. Sehingga kini, masih belum ada lagi pengkaji yang menjalankan kajian di kawasan Tanjung Malim, Perak. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah kajian yang pertama berkaitan dengan aktiviti dan masalah dalam tarbiyah PAS di Tanjung Malim. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah buku atau kajian yang menyentuh tajuk yang dibincangkan, iaitu :

Pertama, ‘Āli Abd al-Halīm Mahmūd (1993), menulis buku tentang “*Wasā’il al-Tarbiyyah ‘inda al-Ikhwān al-Muslimīn: Dirāsah Taḥlīliyyah Tārīkhīyyah*”.¹³ Beliau membahaskan dalam karangannya secara panjang lebar tentang wasīlah atau perantaraan (kaedah) yang dipraktikkan oleh gerakan Ikhwān al-Muslimīn dalam proses mentarbiyah ahlinya secara pemeringkatan dan tahap yang berbeza. Pelbagai wasīlah yang digunakan oleh gerakan ini, seperti *usrah*, *rehlah*, *nadwah*, *mukhayyam*, ziarah dan lain-lain lagi.

Kedua, Azahar Yaakub (2005), menulis tentang ”*Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara: Kajian Pelaksanaannya oleh Parti Islam Se-Malaysia*”.¹⁴ Objektif utama kajian beliau ialah untuk menganalisis bentuk-bentuk strategi yang dilaksanakan oleh PAS dalam usaha membentuk negara Islam. Beliau turut menjelaskan bahawa PAS sememangnya menyediakan strategi-strategi tertentu bagi

¹³ ‘Āli Abd al-Halīm Mahmūd (1993), *Wasā’il al-Tarbiyyah ‘inda al-Ikhwān al-Muslimīn: Dirāsah Taḥlīliyyah Tārīkhīyyah*, cetakan ke-6, Mesir: Dār Wafā’ li al-Tibā’ah wa al-Nasyri wa al-Tauzi’, h. 15.

¹⁴ Azahar Yaakub (2005), *Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara: Kajian Pelaksanaannya oleh Parti Islam Se-Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

menjayakan misi membentuk negara Islam. Melalui strategi itu, PAS berjaya meraih beberapa kejayaan utama, seperti membentuk satu kefahaman kepada sebahagian rakyat jelata tentang kepentingan membentuk negara Islam sehingga berjaya memerintah Kelantan dan Terengganu. Beliau juga turut menyentuh beberapa kegagalan yang dilihat berlarutan sehingga kini. Keadaan ini lebih parah apabila terdapat pula beberapa masalah dalam dan luaran yang sekaligus menjadi bebanan dan batu penghalang kepada kejayaan misi PAS.

Ketiga, Mujahid Yusof (2007), menulis tentang "*Konflik Organisasi Dalam Parti Islam dan Kesannya Terhadap Perubahan Organisasi: Kajian Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Melaka*".¹⁵ Kajian ini bertujuan untuk melihat dengan lebih mendalam masalah konflik organisasi dalam sesebuah parti politik Islam dan kesannya kepada perubahan organisasi parti. Kajian juga telah menemui suasana konflik dalam parti Islam melalui empat tingkat organisasi yang digunakan sebagai model untuk kajian ini dan adab konflik yang diamalkan oleh parti Islam semasa berlakunya konflik. Turut dikupas ialah faktor konflik yang berpunca daripada kemasukan ahli lain daripada pertubuhan Islam yang mencetuskan persoalan kesetiaan kepada parti yang menyebabkan tanggapan adanya elemen lain dari luar parti ingin menguasai struktur parti.

¹⁵ Mujahid Yusof (2007), *Konflik Organisasi Dalam Parti Islam dan Kesannya Terhadap Perubahan Organisasi: Kajian Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Melaka*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Keempat, Ya'qub Muhammad Hussin (2001), menulis tentang “*Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*”.¹⁶ Beliau membahagikan buku ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama berkisar tentang memahami dan menghayati ciri-ciri usrah yang berjaya. Turut disentuh ialah anasir yang menjayakan usrah, peranan naqib, manhaj usrah (kandungan), kaedah perlaksanaan usrah, adab-adab usrah, sifat dan tanggungjawab ahli usrah, sukanan usrah pelbagai peringkat dan faktor kelemahan usrah. Manakala bahagian kedua pula lebih kepada konsep dan ciri-ciri harakah Islamiyah. Turut dibincangkan beberapa kategori jama'ah masa kini dan tuntutan mengenali jama'ah.

Kelima, Azhar Jaafar @ Ramli (2001), menulis tentang “*Parti Islam Se-Malaysia (PAS): Suatu Kajian Tentang Sejarah Perkembangannya di Jerantut, Pahang Darul Makmur*”.¹⁷ Kajian ini menjelaskan tentang sejarah dan perkembangan PAS di peringkat pusat bermula dari HAMIM sehingga membentuk sebuah badan agama di dalam UMNO,¹⁸ PAS ditubuh secara rasmi di Tanah Melayu pada tahun 1955 bagi menghadapi pilihanraya umum negara yang pertama.

¹⁶ Ya'qub Muhammad Hussin (2001), *Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*, cetakan pertama, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

¹⁷ Azhar Jaafar @ Ramli (2001), *Suatu Kajian Tentang Sejarah Perkembangannya di Jerantut, Pahang Darul Makmur*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

¹⁸ UMNO adalah singkatan daripada United Malays National Organisation (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) yang ditaja oleh Kongres Melayu 1946. UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru setelah diasaskan pada bulan Mac 1946 dalam satu Kongres Persatuan Pertubuhan Melayu di Kuala Lumpur. Dato' Onn Jaafar adalah Presiden UMNO yang pertama. Penubuhannya adalah hasil pengharaman pertubuhan-pertubuhan politik kebangsaan dan parti berhaluan kiri oleh penjajah Inggeris. Tujuan utama penubuhannya ialah untuk menentang Malayan Union yang ditaja oleh penjajah Inggeris pada ketika itu. Dasar UMNO ialah Demoktarik Nasionalisme. Ia pernah diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Pendaftar Pentadbiran pada 4 Februari 1988 kerana dikatakan pendaftarannya tidak sah, namun begitu pendaftarannya diperbaharui semula oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 13 Februari 1988. Ainol Jamal (1988), *Melayu Berpecah Dalam UMNO Kerana Pemimpin Tamak*, Kuala Lumpur: Percetakan Berpadu Sdn. Bhd, h. 4 & 11; Ahmad Lutfi Othman (1992), *Selepas Mahathir Peluang PAS*, t. Pen., h. 28; Ismail Awang (1982), *Zulkifli Muhammad Sejarah dan Karyanya*, Kelantan: Mahlidhi Press, h. 139; Buyong Adil (1985), *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 252.

Keenam, Mohd Soud Said @ Mat Ali (1999), menulis tentang “*Sejarah Dewan Muslimāt PAS dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia: Suatu Kajian di Kuala Terengganu*”.¹⁹ Kajian ini menyentuh tentang aspek sumbangan Dewan Muslimāt PAS kepada masyarakat, sama ada dari sudut agama, sosial, pendidikan, ekonomi dan politik. Pengkaji turut menyentuh tentang sejarah ringkas penubuhan PAS, dasar dan matlamat perjuangan serta pentadbirannya di peringkat pusat, negeri, kawasan dan cawangan.

Ketujuh, Noraini Zainuddin (2006), dalam kajiannya bertajuk ”*Sumbangan Dewan Muslimāt PAS Terhadap Pembangunan Sosial Masyarakat di Kawasan Bukit Gantang*”²⁰ menulis tentang analisis sumbangan Dewan Muslimāt PAS terhadap aktiviti pembangunan sosial masyarakat di kawasan Bukit Gantang dan penilaian masyarakat terhadap program-program tersebut. Antara program pembangunan sosial yang dijalankan, seperti program perpaduan, kebajikan, keilmuan dan program remaja.

Kelapan, Idris Ahmad (2005), menulis buku tentang “*Panduan Usrah dan Gerakan Islam*”.²¹ Beliau menyentuh dalam bukunya tentang definisi usrah, rukun usrah, ciri naqib yang dinamik, bentuk perbincangan dalam usrah, panduan perlaksanaan usrah, adab-adab usrah, kesan perlaksanaan usrah, ciri-ciri harakah Islamiyah dan matlamat jama’ah Islam. Turut dikupas ialah aktiviti luar usrah, seperti lawatan dan ziarah ke tempat bersejarah, kilang milik orang Islam, para ulama haraki yang bertaqwah, rehlah (perkelahan), aktiviti riadah (senaman dan permainan) dan pelbagai lagi.

¹⁹ Mohd Soud Said @ Mat Ali (1999), *Sejarah Dewan Muslimāt PAS dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia: Suatu Kajian di Kuala Terengganu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

²⁰ Noraini Zainuddin (2006), *Sumbangan Dewan Muslimāt PAS Terhadap Pembangunan Sosial Masyarakat di Kawasan Bukit Gantang*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

²¹ Idris Ahmad (2005), *Panduan Usrah dan Gerakan Islam*, cetakan kelima, Kuala Lumpur: Sarjana Media.

Kesembilan, Riduan Mohd Noor (2005), menulis buku tentang “*Pengaruh Pemikiran Ikhwān al-Muslimīn Terhadap Parti Islam Se-Malaysia*”.²² Beliau menjelaskan dalam buku ini tentang pemindahan pemikiran Ikhwān al-Muslimīn, khususnya slogan kepimpinan ulama dan Majlis Syura Ulama PAS Pusat, pewujudan jawatan Mursyid al-’Ām, pengaktifan Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan sehingga kepada pembentukan sukatan tarbiyah PAS di peringkat cawangan, kawasan, negeri dan pusat.

Kesepuluh, Lajnah Tarbiyah dan Latihan Perkaderan Badan Perhubungan PAS Perak (2008), dalam modul bertajuk “*Manual Tarbiyah Ahli-Ahli PAS Perak (MATAR)*” pula menghuraikan tentang aktiviti tarbiyah yang dijalankan di Perak. Manual tarbiyah ini digunakan oleh Badan Perhubungan PAS Perak, PAS kawasan, PAS cawangan dan dewan-dewan dalam melaksanakan program tarbiyah. Antara pengisian menarik dalam modul ini ialah struktur organisasi serta bidang tugas setiap anggota Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak. Modul (*manhaj*) ini menjadi teras bagi gerak kerja tarbiyah yang berfokus dan menjadi sumber rujukan dalam mengerakkan aktiviti tarbiyah. Kandungannya memuatkan mekanisme pengukuran dan penilaian, di mana Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak akan mengeluarkan sijil pengiktirafan kepada ahli setelah melalui beberapa proses penilaian mengikut tahap yang ditentukan. Turut diketengahkan ialah marhalah tarbiyah dan perincian aktiviti bermula daripada marhalah *ta’rīf* (asas), *takwīm* (pembinaan) dan *tanfīz* (perlaksanaan), serta beberapa program tambahan, seperti kelas pengajian agama, jambori, lawatan, berbuka puasa secara berjama’ah, i’tikāf di bulan Ramaḍān, kursus dan seminar.

²² Riduan Mohamad Nor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua.

Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat kajian atau buku tentang PAS dan tarbiyah. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan aktiviti dan masalah dalam tarbiyah PAS di Tanjung Malim masih belum dijalankan.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini menggabungkan beberapa dimensi disiplin ilmu pengajian Islam dan menggunakan beberapa metodologi yang ada hubungan dengan kajian, kerana ia menentukan cara sesuatu kajian itu dilakukan ke arah penentuan kualiti sesuatu kajian. Metodologi merupakan suatu elemen yang penting di dalam sesuatu kajian atau penelitian ilmiah.

Metodologi bererti ilmu tentang cara mengadakan penelitian atau kajian.²³ Metodologi berasal daripada dua perkataan di dalam bahasa Yunani, iaitu *metodos* yang bererti cara, dan *logos* yang bererti ilmu.²⁴ Oleh yang demikian, metodologi bererti ilmu tentang sesuatu cara. Manakala penyelidikan bererti usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan pentafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Metodologi penyelidikan ialah kaedah yang digunakan bertujuan untuk memperoleh maklumat-maklumat yang tepat, konkret dan bernilai serta membuat penganalisisan serta keputusan di atas maklumat demikian.

²³ Imam Bernadib (1982), *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*, cetakan pertama, Yogakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, h. 51.

²⁴ Koentjaraningrat (1997), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, cetakan pertama, Jakarta: P.T. Gramedia, h. 16.

Di dalam menjalankan kajian dan penyelidikan ini, pengkaji menggunakan dua metodologi utama untuk memproses pengumpulan data dan menganalisis fakta kajian. Metode-metode utama tersebut adalah seperti berikut :

- i. Metode pengumpulan data
- ii. Metode analisis data

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Terdapat dua bentuk kajian yang digunakan untuk mendapat sumber data di dalam penyelidikan ini. Data-data tersebut diperoleh melalui dua sumber, iaitu melalui penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan sebagaimana berikut :

(a) Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

Kajian perpustakaan bererti satu kajian mendapatkan bahan menerusi sumber-sumber tulisan, seperti buku, tesis, disertasi, majalah, mikro filem dan sebagainya. Metode ini penting untuk melengkapi data-data pada bab kedua dan ketiga. Perpustakaan yang menjadi rujukan kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- ii. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- iii. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

- iv. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur
- v. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
- vi. Perpustakaan Negara Malaysia, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur
- vii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan
- viii. Perpustakaan Dār Zahrā', Kota Bharu, Kelantan
- ix. Perpustakaan Islam, Kota Bharu, Kelantan
- x. Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak
- xi. Perpustakaan Kolej Islam Darul Ridzuan, Kuala Kangsar, Perak

(b) Kajian Lapangan (*Field Research*)

Dalam merangka kajian lapangan ini, pengkaji menjalankan kajian secara langsung terhadap PAS di Tanjong Malim bagi memperolehi data dan maklumat daripada PAS kawasan tersebut. Bagi tujuan mendapatkan objek yang dipilih untuk diteliti sebagai bahan kajian, berikut adalah beberapa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan bahan kajian :

(i) Kaedah Temu bual (*Interview*)

Kaedah temu bual merupakan kaedah di mana subjek dan penyelidik hadir sama di dalam proses memperolehi maklumat. Temu bual dilakukan terhadap informan yang penting sebagai sumber mendapatkan maklumat tentang kebudayaan mereka.²⁵ Kahn dan Cannell (Marshall & Rossman, 1957) mendefinisikan temu bual sebagai 'perbualan dengan bertujuan' (*conversation with a purpose*).²⁶ Menurut Paton (1990) pula, penyelidik akan mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang.²⁷ Kaedah ini perlu, terutamanya bagi mendapatkan maklumat tentang cara hidup mereka yang tidak lagi wujud atau cara hidup yang telah banyak diubahsuai ketika penyelidikan dilakukan.²⁸ Sumber yang masih ada untuk mendapatkan maklumat ini ialah daripada ingatan individu yang pernah melibatkan diri dalam kebudayaan itu.²⁹ Pengkaji menggunakan kaedah ini dengan melakukan temu bual ke atas informan yang terpilih di kalangan beberapa orang pimpinan dan aktivis tarbiyah bertujuan untuk mengetahui aktiviti tarbiyah yang dijalankan di kawasan Tanjung Malim secara lebih dekat, di samping mengetahui maklum balas yang diterima daripada aktiviti berkenaan. Kaedah ini digunakan untuk melengkapi data-data pada bab keempat dan kelima. Metode ini amat diperlukan bagi mangumpulkan data tentang masalah yang dikaji dengan cara melakukan temu bual

²⁵ Informan atau *interviewee* ialah elemen yang terpenting dalam proses temu bual. Beliau sumber maklumat dan perlu dihargai serta dihormati kerana memberi ruang masa dan kesanggupan untuk ditemu bual. Jika perasaannya tersentuh, merasai bahawa tidak dihargai dan dihormati, kecacatan akan berlaku pada sesi temu bual yang akan dijalankan. Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam.*, cetakan pertama, Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, h. 72.

²⁶ Othman Lebar (2009), *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, cetakan ketiga, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 119.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Noraini Zainuddin (2006), *Analisis Sumbangan Dewan Muslimat PAS Terhadap Pembangunan Sosial Masyarakat di Kawasan Bukit Gantang (1995-2000)*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. xxxi.

²⁹ Pertti J. Pelto Gretel H. Pelto (1989), *Penyelidikan Antropologi*, Abdullah Taib (terj.), cetakan pertama, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 102.

terhadap responden, iaitu pimpinan PAS di kawasan Tanjung Malim yang terlibat secara langsung dengan program tarbiyah dan mereka yang berkaitan dengan kajian ini. Berikut adalah beberapa temu bual yang dijalankan :

- i. Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009 di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak.
- ii. Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010 di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.
- iii. Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010 di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.
- iv. Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010 di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.
- v. Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010 di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.
- vi. Temu bual dengan Hashim Hamud pada 17 Julai 2010 di rumah beliau di Kampung Rasau, Slim River, Perak.
- vii. Temu bual dengan Syed Zamzuri Syed Nengah pada 01 November 2010 di Sekolah Agama Rakyat al-Hidayah di Behrang 2020, Behrang, Perak.
- viii. Temu bual dengan Arman Yusop pada 29 Jun 2010 di Masjid Jami' Sungkai, Sungkai, Perak.
- ix. Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010 di kedai Hub Halal, Slim River, Perak.

- x. Temu bual dengan Abdul Gani Ibrahim pada 20 Mac 2010 di pejabat DPPK Tanjung Malim, Slim River, Perak.
- xi. Temu bual dengan Mohamad Isa Jasad pada 23 Jun 2010 di rumah beliau di Kampung Kelan, Slim River, Perak.
- xii. Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010 di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.
- xiii. Temu bual dengan Sulaiha Saari pada 10 Ogos 2010 di Ma'ahad al-'Abbāsiyah, Sungkai, Perak.
- xiv. Temu bual dengan Nik Abdul Hadi Raja Abdullah pada 30 Jun 2010 di rumah beliau di rumah guru SMK (F) Besout, Sungkai, Perak.
- xv. Temu bual dengan Mohd Desa Zakaria pada 14 Julai 2010 di Sekolah Agama Rakyat al-Falāhiah di Felda Besout 4, Sungkai, Perak.
- xvi. Temu bual telefon dengan Zulkapli Piai pada 27 November 2010.
- xvii. Temu bual telefon dengan Muhammad Asri Abdul Hamid pada 28 Ogos 2010.

(ii) Kaedah Pemerhatian atau Observasi (*Observation*)

Kaedah observasi bermaksud satu kaedah berdasarkan pemilihan, perekodan dan pemahaman terhadap tingkah laku dan kedudukan.³⁰ Kaedah observasi atau pemerhatian juga bermaksud memerhati atau mengamati secara terang dan sistematik terhadap sesuatu objek yang ditentukan pada subjek penyelidikan. Ia dilaksanakan dengan alat bantuan, seperti kaset, kamera, catatan dan pemerhatian terhadap data yang berkaitan. Melalui

³⁰ Noraini Zainuddin (2006), *op. cit*, h. xxxii.

metode ini, pengkaji akan membuat pengamatan terhadap institusi yang dikaji, antaranya aspek yang berkaitan dengan aktiviti tarbiyah, seperti program usrah, usrah gabungan, *qiyāmullail*, lawatan, program perkaderan, jambori, latihan kemahiran, majlis berbuka puasa secara berjama'ah, majlis ilmu, perhimpunan bulanan, kelas pengajian agama, program tarbiyah untuk belia dan remaja serta sekolah Pasti. Kaedah pemerhatian ini amat penting dan berguna untuk menghasilkan kajian kerana suatu kajian tidak tertumpu kepada sumber bertulis yang dihasilkan oleh pihak terbabit bahkan perlu dilihat dan diperhati secara lebih dekat. Kaedah ini digunakan untuk melengkapi data-data pada bab keempat dan kelima. Berikut adalah beberapa pemerhatian yang dilakukan PAS kawasan Tanjong Malim :

- i. Pemerhatian terhadap program usrah (*usrah*) dan usrah gabungan (*madrasah*).
- ii. Pemerhatian terhadap program *qiyāmullail* (*katībah*).
- iii. Pemerhatian terhadap program lawatan (*rehlah tarbawiyyah*).
- iv. Pemerhatian terhadap program perkaderan (*tamrīn tarbawī*).
- v. Pemerhatian terhadap program perkhemahan atau jambori (*mukhayyam tarbawī*).
- vi. Pemerhatian terhadap program latihan kemahiran (*daurah tadrībiyyah*).
- vii. Pemerhatian terhadap program majlis berbuka puasa secara berjama'ah (*iftār jamā'ī*).
- viii. Pemerhatian terhadap program majlis ilmu (*liqā' al-fikri*).
- ix. Pemerhatian terhadap program perhimpunan bulanan (*ijtimā' tarbawī*).

- x. Pemerhatian terhadap program kelas pengajian agama.
- xi. Pemerhatian terhadap program tarbiyah untuk belia dan remaja.
- xii. Pemerhatian terhadap institusi pendidikan, iaitu sekolah Pasti.

(iii) Kaedah Dokumentasi (*Documentacy*)

Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih jelas, pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi bagi mendapatkan maklumat berkaitan. Kaedah dokumentasi ialah satu cara untuk mendapat dan mengumpulkan data-data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berhubungkait dengan permasalahan kajian. Dokumen ialah benda-benda bertulis yang dapat memberi keterangan tertentu terhadap sesuatu.³¹ Abdul Halim Mat Diah pula menyatakan ia merupakan satu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti.³² Menurut Idris Awang,³³ dokumen ialah bahan yang tidak diterbitkan tetapi pihak yang menghasilkan dan tarikhnya diketahui dengan jelas atau boleh dikenal pasti melalui proses tertentu. Ia termasuklah hasil penyelidikan yang tidak diterbitkan, seperti tesis dan disertasi, minit mesyuarat, laporan tahunan, fail-fail rasmi, manuskrip yang tersimpan di arkib dan juga catatan peribadi.³⁴ Termasuk dalam dokumen ialah benda bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan antaranya gambar-gambar, kumpulan undang-

³¹ Imam Bernadib (1982), *op. cit*, h.52.

³² Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, h. 117.

³³ Beliau merupakan Mantan Timbalan Pengarah (Pembangunan dan Penyelidikan) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Mendapat pendidikan dalam bidang Bahasa Inggeris di Universiti Baghdad, Iraq dan Sarjana serta Doktor Falsafah dalam bidang pendidikan di Universiti Malaya. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang penyelidikan dan penyeliaan tesis serta disertasi. Malah, beliau turut menjadi pemeriksa latihan ilmiah pelajar, disertasi pada peringkat sarjana dan tesis doktor falsafah. Idris Awang (2009), *op. cit.*, cetakan pertama.

³⁴ *Ibid.*, cetakan pertama, h. 69.

undang, peraturan dan buku cenderamata.³⁵ Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang aktiviti tarbiyah dalam PAS, khususnya di kawasan Tanjong Malim, Perak. Justeru itu, pengkaji perlu mendapatkan maklumat tersebut secara langsung daripada bahan dokumentasi dan catatan yang terdapat di pejabat PAS kawasan Tanjong Malim dan mengenal pasti masalah yang timbul daripada bahan *post mortem* yang diadakan. Kaedah ini amat penting dan berguna untuk memastikan data-data dan fakta yang dikaji adalah tepat sebagai pelengkap pada bab keempat dan kelima. Berikut adalah beberapa dokumentasi yang digunakan bagi mendapatkan data :

- i. Peringatan mesyuarat agung tahunan PAS kawasan Tanjong Malim kali ke-24, bertarikh pada 7 Mei 2006, tempat di Pusat Tarbiyah PAS kawasan Serigala, Slim River, Perak.
- ii. Peringatan mesyuarat agung tahunan PAS kawasan Tanjong Malim kali ke-25, bertarikh pada 28 April 2007, tempat di Pusat Tarbiyah PAS kawasan Serigala, Slim River, Perak.
- iii. Peringatan mesyuarat agung tahunan PAS kawasan Tanjong Malim kali ke-26, bertarikh pada 24 Mei 2008, tempat di rumah rehat Slim River, Slim River, Perak.
- iv. Peringatan mesyuarat agung tahunan PAS kawasan Tanjong Malim kali ke-27, bertarikh pada 19 April 2009, tempat di Pusat Tarbiyah PAS kawasan Serigala, Slim River, Perak.

³⁵ Noraini Zainuddin (2006), *op. cit*, h. xxxii.

- v. Peringatan mesyuarat agung tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim kali Ke-5, bertarikh pada 25 Mac 2007, tempat di Markas Tarbiyah PAS Tanjong Malim, Slim River, Perak.
- vi. Peringatan mesyuarat agung tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim kali ke-6 (Baru), bertarikh pada 19 Mei 2008, tempat di Markas Tarbiyah PAS Tanjong Malim, Slim River, Perak.
- vii. Peringatan mesyuarat agung tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim kali ke-8, bertarikh pada 27 Mac 2010, tempat di Markas Tarbiyah Serigala, Slim River, Perak.
- viii. Peringatan mesyuarat agung tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tanjong Malim kali ke-17, bertarikh pada 7 April 2007, tempat di Pasti al-Ansār, Sungkai, Perak.
- ix. Buku ucapan dasar Ketua Dewan Ulama PAS Pusat di Mu'tamar Dewan Ulama PAS Pusat kali ke 54 pada 14 Ogos 2008.

1.8.2 Metode Analisis Data

Setelah selesai proses pengumpulan data, kerja-kerja mengolah dan menganalisis data pula dilakukan. Untuk tujuan tersebut, pengkaji menggunakan metode analisis diskriptif-kualitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenal pasti sesuai dengan keperluan kajian yang dijalankan.³⁶ Ia terbahagi kepada tiga bentuk, iaitu metode induktif, deduktif dan komparatif.

³⁶ *Ibid*, h. 68.

(a) Metode Induktif

Metode induktif merupakan satu proses logik yang memberikan penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik.³⁷ Ia juga ditafsirkan sebagai satu cara menganalisis data menerusi pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada pembuktian dalil-dalil umum.³⁸ Metode ini digunakan dalam bab kedua, ketiga, keempat dan kelima, iaitu data berkaitan tarbiyah dalam PAS, aktiviti tarbiyah yang dilaksanakan oleh PAS di Tanjung Malim dari tahun 2006 hingga 2010 dan masalah yang dihadapi oleh PAS kawasan tersebut, seterusnya kesimpulan dan implikasi kajian terhadap aktiviti tarbiyah. Sebagai contoh dalam bab kedua, ramai tokoh-tokoh Islam memberikan pandangan tentang matlamat, ciri-ciri dan bentuk tarbiyah dalam Islam, dan data yang diperolehi telah diolah dengan teliti dan seterusnya data tersebut telah digeneralisasikan untuk menambah kefahaman pembaca.

(b) Metode Deduktif

Metode deduktif ialah cara menganalisis dan melakukan pengkajian berdasarkan pola berfikir dan mencari pembuktian dengan menggunakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan dalil-dalil umum dan membuat ramalan berdasarkan pengujian ke atas pemerhatian yang spesifik. Ia bermula dari persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus.³⁹ Penggunaan metode ini dapat dilihat pada bahagian kajian

³⁷ Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, cetakan pertama, Malaysia: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 18.

³⁸ Koentjaraningrat (1997), *op. cit*, h. 137.

³⁹ Sabitha Marican (2005), *op. cit*, h. 19.

lapangan, iaitu temu bual yang dibuat menerusi responden, hasil pemerhatian dan dokumentasi. Contohnya, melalui pendekatan temu bual terhadap responden tentang aktiviti tarbiyah yang dijalankan oleh PAS kawasan Tanjung Malim, pengkaji dapat merumuskan bahawa semua pihak menggembung tenaga untuk melaksanakan aktiviti tarbiyah, cuma pelaksanaannya adalah secara fleksibel dan dijalankan mengikut kesesuaian di sesuatu tempat. Begitu juga dengan pendekatan pemerhatian terhadap aktiviti tarbiyah yang dijalankan dan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam menjalankan aktiviti tarbiyah, dan penelitian terhadap dokumen, seperti laporan tahunan, minit mesyuarat dan catatan PAS kawasan Tanjung Malim.

(c) Metode Komparatif

Metode ini digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa penelitian dilakukan dengan tujuan untuk menjelas sesuatu keadaan.⁴⁰ Segala data-data, fakta dan pendapat yang diperolehi akan dikumpulkan dan dibuat penelitian sehingga mendapat data yang berkualiti, lebih tepat, relevan dan dapat dipertanggungjawabkan sebagai kajian ilmiah. Pengkaji menggunakan metode ini untuk membandingkan antara tarbiyah dalam Islam, tarbiyah dalam PAS dan tarbiyah PAS di Tanjung Malim. Pelaksanaan aktiviti tarbiyah dalam Islam, PAS Pusat dan PAS kawasan Tanjung Malim pastinya berbeza dan bergantung kepada beberapa faktor yang tertentu.

⁴⁰ Norhapizah Mohd Burhan (2006), *Pembangunan Akhlak Pelajar Islam di Triang*, Pahang, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 24.